

30 OCT 2003

UUM-Mahathir

PERSARAAN DR MAHATHIR MEMILUKAN WARGA KAMPUS UUM

SINTOK, 30 Okt (Bernama) -- Persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, esok memilukan keseluruhan warga kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri.

Beliau bagaimanapun berkata warga UUM turut memberi penghargaan dan berterima kasih kepada Dr Mahathir.

"Sumbangan beliau kepada negara dan UUM khususnya amat besar ertinya kerana tanpa Dr Mahathir, Sintok yang dahulunya menjadi sarang komunis, tidak mungkin berubah wajah menjadi pusat sumber ilmu yang kini telah melahirkan seramai 33,725 orang graduan," katanya pada majlis penutupan Latihan Khemah Tahunan Pasukan Latihan Simpanan (Palapes) di Simpang Wang Perah, Jitra dekat sini hari ini.

Dr Ahmad Fawzi juga berkata universiti itu bangga kerana terpilih dan diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir dan berjanji akan melakukan yang terbaik selain sentiasa menjaga imej UUM berteraskan pengurusan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri itu.

Beliau berkata bagi mengenang jasa Dr Mahathir dalam membangunkan universiti itu, UUM akan menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat kepada Dr Mahathir pada Konvokesyen Kemomeratif tahun depan sempena sambutan 20 tahun UUM.

Beliau berkata walaupun Dr Mahathir melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti, namun sebagai arkitek Malaysia, beliau telah melakukan peralihan kuasa dengan begitu baik tanpa sebarang perkara yang tidak diingini.

"Walaupun rakyat amat memerlukan kepimpinan Dr Mahathir tetapi dalam masa yang sama kita juga harus menghormati keputusan beliau," katanya.

Mengenai pengganti Dr Mahathir, Dr Ahmad Fawzi yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan dasar-dasar Dr Mahathir dan membuat penambahbaikan bagi memantapkan kerajaan negara ini.

Sementara itu, pelbagai pihak termasuk penduduk di Langkawi menaruh harapan Dr Mahathir akan terus memberi perhatian untuk memajukan Langkawi.

Pengerusi Persatuan Tuan Empunya dan Kereta Sewa Langkawi, Yusof Abdullah yakin Dr Mahathir mampu memainkan peranan selepas bersara demi menaikkan imej Langkawi sebagai pulau pelancongan terkenal.

Beliau berkata seluruh pemandu dan pemilik teksi akan mengingati Dr Mahathir yang telah banyak berjasa kepada Langkawi dan turut membantu menambah pendapatan mereka.

Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Melayu Kedah Cawangan Langkawi Ghazali Md Noor berkata Dr Mahathir banyak berjasa kepada Langkawi sehingga menjadikan pulau itu terkenal seluruh dunia.

Beliau berharap Abdullah akan turut memberi perhatian kepada Langkawi.

-- BERNAMA

MNH ZI LAT